



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpcb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN MENERIMA *REWARDS* DARI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN SEMPENA *CUSTOMER SERVICE DAY* KWP DAN AGENSI 2013

8 Jun 2013, Kuala Lumpur – YB Dato' Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini merasmikan Program Hari Bersama Pelanggan / *Customer Service Day* (CSD) Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi 2013.

Program CSD KWP & Agensi 2013 ini diadakan bagi membolehkan orang ramai khususnya warga Wilayah Persekutuan untuk **mendapatkan maklumat mengenai perancangan dan pencapaian produk, perkhidmatan dan program Kementerian serta agensi**. Program ini juga akan dapat mewujudkan kesedaran dan kefahaman di kalangan orang ramai tentang usaha-usaha pihak kerajaan dalam konteks pembangunan dan pencapaian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi selama ini.

Pengisian utama Program CSD KWP & Agensi 2013 ini ialah *booth* pameran dan kaunter perkhidmatan Kementerian dan Agensi serta kaunter perkhidmatan dari pelbagai agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta pihak NGO's. Orang ramai boleh mendapatkan perkhidmatan Kementerian dan Agensi secara terus seperti membuat pembayaran dan mendapatkan *discount* cukai tanpa perlu ke pejabat samada selepas waktu bekerja atau di hujung minggu.

Touch n Go Sdn Bhd yang merupakan *program partners* CSD 2013 turut menjayakan ***Customer Rewards Program*** khusus kepada warga Wilayah Persekutuan. Ini bertujuan memberikan semula penghargaan kepada warga kota (*give back to the customer*) di sepanjang program CSD ini menerusi pemberian kad Touch n Go khas secara percuma kepada 5,000 pengunjung terawal. Inisiatif ini adalah dalam menyahut saranan pihak kerajaan dengan melaksanakan pendekatan *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*.

Penganjuran program CSD ini diharap akan dapat mengeratkan lagi hubungan antara Kementerian dan agensi dengan rakyat serta memudahkan akses orang ramai terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan. Ini seterusnya dapat memperkukuhkan lagi interaksi dan memberi pendekatan yang lebih mesra antara pihak kerajaan dengan warga Wilayah Persekutuan. Segala *feedback* atau maklum balas yang diterima dari orang ramai secara langsung berkaitan dengan tahap perkhidmatan pihak kerajaan akan diteliti dan dibuat penambahbaikan yang sewajarnya.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan

8 Jun 2013

Kuala Lumpur